

11 OCT 1997

Mahathir-Sambutan

4,000 ORANG DIJANGKA SAMBUT DR MAHATHIR DI SINI ESOK

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) -- Kira-kira 4,000 orang akan menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok sebagai tanda sokongan kepada kepimpinan beliau.

Katanya anggota UMNO termasuk dari tanah besar, penghulu, pegawai kerajaan dan anggota badan bukan kerajaan termasuk penduduk Langkawi akan menyertai sambutan itu sebaik sahaja Perdana Menteri tiba di lapangan terbang antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

Pegawai Perhubungan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Mohamad Hatta Said hari ini berkata lawatan sehari Dr Mahathir itu ialah bagi meninjau projek pembangunan di pulau bebas cukai itu.

Mohamad Hatta berkata sambutan itu diadakan sebagai menyokong ketegasan Perdana Menteri menangani serangan asing terhadap ekonomi negara sekarang.

Katanya Perdana Menteri dijangka berucap pada majlis sambutan itu sebelum beliau melawat projek pembinaan sebuah hotel berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

Dr Mahathir kemudian melawat tapak projek pembesaran Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri yang akan menjadi tapak pameran udara sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) yang akan berlangsung pada 2 hingga 7 Disember ini.

Perdana Menteri kemudian akan melawat tapak projek benteng pemecah ombak di Kuala Muda sebelum melawat tapak projek yang akan menempatkan pameran maritim di jeti Star Cruise di Tanjung Malai.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan melawat Galeria Perdana di Kilim yang menempatkan koleksi cendera mata beliau.

Dr Mahathir juga akan melawat projek Kampung Buku di Lubuk Semilang dekat sini. Beliau dijangka merasmikan perkampungan itu pada 3 Dis ini.

Ia merupakan yang ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai kampung buku di Miyagawa dan Kembuchi.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang esok. --

BERNAMA

NH